

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 04 Januari 2016 16:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELANCONG NEBRASKA USA CUTI-CUTI DISCOVER UUM



04 JANUARI 2016 / 23 RAIBULAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

PELANCONG NEBRASKA USA CUTI-CUTI DISCOVER UUM



ANJUNG TAMU ONLINE: “Beautiful Campus”, ayat pertama yang diucapkan oleh salah seorang pelancong yang datang ke UUM dari Omaha, Nebraska, U.S.A. Mereka yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur seramai 14 orang tiba di Welcome Centre UUM serta diraikan sebagai tetamu universiti.

UUM di rimba hijau telah memukau mereka yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut sejarah dan tempat-tempat menarik untuk dilawati. Welcome Centre memberi taklimat umum di samping mempromosikan UUM.

Hadir mengiringi pelancong tersebut, Profesor Pelawat, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Prof. Dr. Abdul Moqim Rahmanzai yang merupakan keluarga terdekat mereka. Kebanyakan mereka pertama kali tiba di Malaysia dan hasrat untuk melawat UUM telah menjadi kenyataan.

“We enjoyed the tour and we enjoyed seeing the beautiful campus”, kata Director of Academic, Information Science and Technology College, University of Nebraska Omaha (UNO), Soraya.

Dalam pada itu, trem tersedia untuk membawa mereka menikmati keindahan dan tempat menarik di UUM seperti Taman Rusa, Pusat Ekuin dan sebagainya.

Ucapan terima kasih disampaikan kepada UUM di atas hospitaliti yang diberikan serta mereka turut melahirkan rasa bangga dapat mengenali UUM yang terletak di Kedah Malaysia. Memori indah ini akan dibawa pulang ke Nebraska.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

